

HIGHER EDUCATION TALK
"THE CONCEPT OF UNIVERSITY: BEYOND RANKING"
DATE : 18 JANUARY 2017 (WEDNESDAY)
VENUE : DEWAN RESITAL, UMS
TIME : 8.00 AM

SPEAKER:

**YBHG. PROF. TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK
CHAIRMAN, BOARD OF DIRECTORS, UNIVERSITI SAINS ISLAM
MALAYSIA (USIM)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SALUTATION

YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak
Chairman, Board of Directors, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan bin Mohd Jailani
Deputy Director, Centre for Academic Leadership

Encik Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti
Dekan-dekan Fakulti, Pengarah-pengarah Institut dan Pusat, Ketua-ketua Jabatan dan Unit, para pensyarah dan seluruh warga Universiti Malaysia Sabah.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama memeriahkan majlis ilmu pada pagi ini. Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Chairman, Board of Directors, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sudi meluangkan masa untuk perkongsian ilmu ini.

Hadirin dan Hadirat Sekalian

Program ilmu yang dianjurkan pada pagi ini adalah selaras dengan hasil resolusi melalui Majlis Luncheon Talk bersama YABhg. Tun Zaki, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti UMS yang dilangsungkan pada 15 November 2016 lalu. Menerusi program ini, saya berharap ia akan dapat memberikan pendedahan dan meningkatkan kefahaman berkenaan isu-isu semasa yang berkait dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Mutakhir ini, isu ranking universiti hangat diperkatakan dan saya percaya, UMS turut sama berusaha untuk meningkatkan ranking yang menjadi salah satu agenda penting dalam sistem pendidikan tinggi negara.

Saya percaya, Higher Education Talk, The Concept of University: Beyond Ranking yang akan disampaikan oleh Tan Sri Dzul sebentar sahaja lagi dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua ahli akademik, barisan kepimpinan dan warga UMS yang berada di dalam dewan ini. Maklumat dan perkongsian dari Tan Sri Dzul boleh dijadikan panduan pada masa-masa yang akan datang.

Hadirin dan Hadirat Sekalian

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tan Sri Dzul yang sudi menerima undangan kami dan menyampaikan syarahannya pada hari ini. Tidak lupa juga kepada Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) yang sentiasa menyokong dan membantu pembangunan kelompok bakat UMS menerusi program-program yang disalurkan kepada UMS. Seterusnya, terima kasih kepada Jabatan Pendaftar dan jawatankuasa pelaksana yang merealisasikan program ilmu ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh